

Headline	Pokok hutan dikesan alami sires, tumbesaran terbantut		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	292 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,081



## FENOMENA EL NINO

# Pokok hutan dikesan alami stres, tumbesaran terbantut

**Bandar Seri Jempol:** Fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini, dikesan turut menyebabkan pokok hutan mengalami stres dengan tumbesaran terbantut serta gangguan terhadap kitaran proses pembungaan.

Pegawai Penyelidik Kanan Unit Ekologi Hutan, Dr Christine Fletcher, berkata keadaan dialami pokok terbahit, terutama di hutan dipterokarpa, adalah disebabkan suhu panas melampau dan kekurangan hujan.

Beliau yang juga Penyelaras Stesen Penyelidikan **Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) Pasoh** di sini, berkata pokok mengalami kekurangan air yang amat penting untuk fungsi biologi tersendiri.

Katanya, berbeza daripada tanggapan umum bahawa pokok hutan mempunyai akar tunjang bagi mendapatkan sumber air bawah tanah, tumbuhan tropika sebenarnya mendapat air di permukaan tanah ekoran sifat akar-

nya yang tumbuh melebar bagi menampung kanopi besar.

“Berdasarkan pemerhatian terhadap plot ekologi Hutan Simpan Pasoh di sini, kita dapati batang pokok menjadi semakin kecil. Keadaan panas dan kurang hujan juga mencetuskan proses pembungaan secara besar-besaran yang memberi tekanan kepada pokok.

### Hasil banyak tenaga

“Proses pembungaan ini menyebabkan pokok terpaksa menghasilkan banyak tenaga untuk mengeluarkan bunga, biji atau buah terutama dalam kuantiti yang banyak,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, proses pembungaan yang dialami hutan dipterokarpa akan turut mempengaruhi tumbuhan lain termasuk pokok buah-buahan dan berkemungkinan musim buah akan menjadi lebih lama kali ini.

*Keadaan panas dan kurang hujan juga mencetuskan proses pembungaan secara besar-besaran yang memberi tekanan kepada pokok”*

**Christine Fletcher,**  
Pegawai Penyelidik Kanan Unit Ekologi Hutan

Headline	Pokok hutan dikesan alami sires, tumbesaran terbantut		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	292 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,081



*Pelbagai jenis pokok hutan berbunga di Hutan Simpan Pasoh, Jempol dikaitkan dengan fenomena El Nino.* [FOTO ABNOR HAMIZAM/BH]